

Kalahkan Fatin untuk unggul compound individu wanita

# Kejutan Nur Aina raih pingat emas di Bangi

**P**EMANAH Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Nur Aina Yasmine Halim (**gambar kecil**) melakar kejutan apabila merangkul pingat emas dalam acara memanah compound individu wanita setelah menewaskan atlet negara, Fatin Nurfatehah Mat Salleh pada Sukan Universiti Pendidikan Tinggi (SUKIPT) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi semalam.

Nur Aina yang merupakan pemanah di bawah program Pusat Kecemerlangan Sukan (PKS), Bahagian Sukan, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) di UniSZA mengetepikan rasa gugup untuk menyingkirkan Fatin yang mewakili Universiti Sains Malaysia (USM).

Fatin yang merupakan peme-

nang pingat emas acara compound berpasukan campuran pada Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 (KL2017) terpaksa berpuas hati di tempat keempat selepas meraih 633 mata, manakala Nur Aina mengungguli acara itu setelah mengumpul 642 mata.

Pingat perak dimenangi Syarah Syuhaidah Abas dari Universiti Putra Malaysia (UPM) yang mengumpul 638 mata, manakala gangsa diraih rakan sepasukan Nur Aina, Iman Aisyah

Norazam yang hanya terpisah dua mata di belakang Syarah Syuhaidah.

Menurut Nur Aina, dia terkejut dengan kemenangan itu kerana peluang untuk memperoleh emas lebih berpihak kepada Fatin selaku atlet negara yang telah mencipta pelbagai

kejayaan pada peringkat antara-bangsa.

"Mungkin beraksi sebagai peserta *underdog* menjadi salah satu faktor yang menyumbang kepada pungutan pingat emas kerana saya beraksi tanpa sebarang tekanan," ujar Nur Aina.

Acara memanah compound individu lelaki turut menyaksikan kejutan apabila seorang lagi atlet negara, Atiq Bazil Bakri dari Universiti Malaya (UM) turut kempunan untuk memenangi sebarang pingat.

Atiq merupakan bekas pemenang pingat emas acara recurve pada Sukan SEA Myanmar 2013 dan juga pemanah simpanan Sukan SEA Singapura 2015 dan KL2017.

Acara compound individu lelaki menyaksikan pemanah Universiti Multimedia (MMU), Alang Arif Akil Ghazali merampas pingat emas menerusi catatan 663 mata, tiga mata



FATIN (tengah) terpaksa berpuas hati di tempat keempat acara memanah compound individu wanita pada temasya SUKIPT di UKM, Bangi semalam.

mengatasi pemenang pingat perak, Mohd. Hakhki Kamro dari UniSZA.

Pingat gangsa pula dimenangi

pemanah dari Politeknik Malaysia, Muhammad Fahrur Rosi Choiril Anuar yang mengumpul 657 mata.